

# ADAT PERKAHWINAN MASYARAKAT MELAYU PERLIS : MAS KAHWIN

Oleh : ABDUL GHANI ONN

Tidak kira dalam apa situasi sekalipun, adat dan tradisi Melayu dalam memartabatkan budaya Timur tetap menjadi satu kebanggaan dan simbol bagi masyarakat negara ini.

Upacara perkahwinan misalnya, merangkumi beberapa perkara yang mesti dilakukan seperti yang telah dilazimkan oleh masyarakat itu sendiri. Ianya merupakan satu peristiwa penting yang memerlukan upacara dan masa yang agak panjang. Bermula dengan merisik, merasi, melamar, meminang, hantaran, mas kahwin, pertunangan, mengandam, berinai kecil, akad nikah, berinai besar, majlis khatam Al-Quran, mengundang tetamu sehinggalah akhirnya majlis perkahwinan masih lagi mengekalkan susun atur adat tradisi Melayu yang dilingkari adat resam dan pelbagai budaya.

Keluaran kali ini akan mengenengahkan pula tentang mas kahwin, yang merupakan di antara perkara terpenting di dalam sesebuah perkahwinan. Mas kahwin menjadi hantaran paling penting mengiringi hantaran serba satu yang lain. Mas kahwin juga adalah satu pemberian sebagai tanda pengiktirafan dan penghargaan yang tinggi kepada kaum wanita. Ianya merupakan pemberian ikhlas suami untuk isteri. Selain itu pemberian mas kahwin juga bertujuan mengembirakan wanita yang dikahwini.

Pemberian mas kahwin juga berbeza antara satu negeri dengan negeri yang lain. Ada negeri menetapkan mas kahwin yang tinggi dan ada pula yang rendah.

Syariah Islam meletakkan amalan mas kahwin atau mahar pada cara yang paling mudah. Islam tidak menetapkan kadar pembayaran yang wajib untuk mas kahwin. Sama ada bernilai tinggi atau rendah tidak ditetapkan, yang penting memenuhi syarat utamanya iaitu benda yang suci, bermanfaat, milik suami, sanggup diserahkan dan dapat diketahui sifat dan jumlahnya.

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi, saya sempat menemui Encik Yun Bin Taib, 81 tahun yang tinggal di Simpang Sanglang, Perlis. Mengikut adat resam orang-orang dahulu, menghantar mas kahwin itu biasanya dilakukan terlebih dulu dan berasingan dengan majlis akad nikah. Tetapi sekarang ini majlis tersebut dijalankan serentak. Ini kerana ianya lebih ringkas dan menjimatkan belanja. Hantaran belanja juga tidaklah seperti sekarang, cuma sekitar RM 150.00 sahaja termasuk mas kahwin

mengikut kemampuan pihak lelaki, jelas beliau yang telah berkahwin semasa berusia 18 tahun pada tahun 1941.



*Encik Yun Bin Taib*

*“Mas kahwin juga adalah satu pemberian sebagai tanda pengiktirafan dan penghargaan yang tinggi kepada kaum wanita.”*



*Majlis hantaran mas kahwin*

Menurut Encik Yun lagi, mengikut adat resam dulu wang mas kahwin biasanya diletakkan di dalam ceper atau batil bertudung daripada perak atau tembaga putih. Tapi zaman sekarang semuanya sudah berubah. Lazimnya ia digubah menjadi kuntuman

bunga, dilipat dan digubah kemas, diselitkan di dalam album gambar, disusun menjadi sireh junjung atau dijadikan jambangan.

Ada juga pihak lelaki yang memberi mas kahwin berupa sebuah kitab suci Al-Quran atau barang kemas sama ada rantai tangan, rantai leher atau cincin jika mampu. Inipun setelah berbincang dengan pihak perempuan dan mendapat persetujuannya. Jika mas kahwin yang diterima itu dalam bentuk wang sekalipun, biasanya akan dibelikan sesuatu yang menjadi kenangan sepanjang hayat, jelas Encik Yun mengakhiri perbualan.

Namun perlu diingat, ciri-ciri perkahwinan yang diberkati termasuklah murah belanja mas kahwinnya kerana tidak membawa pembaziran malah boleh menjamin ekonomi pasangan yang berkahwin untuk meneruskan hidup dalam alam rumahtangga kelak.

**RUJUKAN :**

1. *Temubual dengan Encik Yun Bin Taib, Simpang Sanglang, Perlis.*

